## PERATURAN PEMARKAHAN

## PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM 2026

| Soalan | | | KRITERIA PEMARKAHAN | Sub Markah | Jumlah Markah |
|---|---|---|---|---|---|
| **1** | (a) | (i) | **Boleh menyatakan tujuan eksperimen dengan betul**<br><br>Untuk mengkaji hubungan antara jenis aktiviti fizikal dengan kadar denyutan nadi manusia. | 1 | **1** |
| | | (ii) | **Boleh menyatakan faktor yang diubah dengan betul**<br><br>jenis aktiviti fizikal | 1 | **1** |
| | | (iii) | **Boleh menyatakan cara mengawal faktor yang diubah dengan betul**<br><br>1. Melakukan jenis aktiviti fizikal yang berbeza (iaitu aktiviti berehat, berjalan dan berlari)<br>2. Melakukan aktiviti berehat, berjalan dan berlari | 1 | **1** |
| | (b) | | **Boleh meramal bacaan kadar denyutan nadi Raju selepas berlari pecut dengan betul**<br><br>167-200 | 1 | **1** |
| | (c) | | **Boleh memberikan sebab bacaan kadar denyutan nadi adalah sama**<br>1. Aisyah dan Munirah salah mengira kadar denyutan nadi<br>2. Aisyah dan Munirah mengambil bacaan denyutan nadi bukan dalam masa 1 minit | 1<br><br>1 | **1** |
| | | | **Jumlah** | | **5** |

| Soalan | | | KRITERIA PEMARKAHAN | Sub Markah | Jumlah Markah |
|---|---|---|---|---|---|
| **2** | (a) | | **Boleh melukis graf garis dengan betul**<br><br>Dapat memplot 5 titik dengan betul<br>Dapat menyambung 5 titik garis lengkung | 1<br>1 | **2** |
| | (b) | | **Dapat menyatakan ketinggian anak benih kacang hijau pada hari ke- 5 dengan betul**<br>7.4 cm (+/- 0.1) | 1 | **1** |
| | (c) | | **Boleh menyatakan hubungan antara ketinggian anak benih kacang hijau dengan masa dengan betul**<br>Semakin bertambah masa semakin bertambah ketinggian anak benih kacang hijau | 1 | **1** |
| | (d) | | **Boleh menyatakan satu langkah berjaga-jaga yang perlu dilakukan ketika menjalankan eksperimen dengan betul**<br>1. Rendamkan biji benih kacang hijau dalam air sehingga kembang<br>2. Pastikan kapas lembap sepanjang masa | 1<br>1 | **1** |
| | | | **Jumlah** | | **5** |

| Soalan | | | KRITERIA PEMARKAHAN | Sub Markah | Jumlah Markah |
|---|---|---|---|---|---|
| **3** | (a) | (i) | **Boleh menyatakan pemerhatian bagi eksperimen ini dengan betul**<br><br>1.Luas kawasan jernih (di sekeliling) cakera kertas turas direndam larutan antibiotik berkepekatan tinggi lebih besar / luas berbanding dengan cakera kertas turas direndam larutan antibiotik berkepekatan rendah//<br><br>2.Luas kawasan jernih (di sekeliling) C lebih besar berbanding dengan B / A dan / sebaliknya //<br><br>3.Luas kawasan jernih C paling besar //<br><br>4.Tiada kawasan jernih terbentuk pada cakera A berbanding cakera B / dan C | 1<br><br>1<br><br>1<br><br>1 | **1** |
| | | (ii) | **Boleh menyatakan inferens berdasarkan pemerhatian dengan betul**<br><br>1.Kerana (Cakera kertas turas yang direndam dalam) larutan antibiotik berkepekatan tinggi/ C memusnahkan/ membunuh lebih banyak bakteria<br><br>2.Kerana (Cakera kertas turas yang direndam dalam) larutan antibiotik berkepekatan rendah / B membunuh/ memusnahkan sedikit bakteria | 1<br><br>1 | **1** |
| | (b) | | **Boleh menyatakan hipotesis dengan betul**<br><br>1.Semakin tinggi kepekatan antibiotik, semakin besar luas/diameter kawasan jernih (di sekeliling cakera kertas turas).<br><br>2.Semakin rendah kepekatan antibiotik, semakin kecil luas/diameter kawasan jernih (di sekeliling cakera kertas turas).<br><br>3.Antibiotik berkepekatan tinggi lebih berkesan untuk membunuh/ memusnahkan bakteria// menghalang/ merencatkan pembiakan/ pertumbuhan bakteria// vice versa | 1<br><br>1<br><br>1 | **1** |
| | (c) | | **Boleh menyatakan definisi secara operasi bagi antibiotik dengan betul**<br><br>1.Antibiotik adalah bahan yang menghasilkan kawasan jernih pada permukaan agar-agar nutrien selepas tiga hari antibiotik diletakkan/<br><br>2.Antibiotik adalah bahan yang menyebabkan kawasan jernih terbentuk pada permukaan agar-agar nutrien apabila ia diletakkan ke dalam agar-agar nutrien dan kultur bakteria dan dibiarkan selama tiga hari. | 1<br><br>1 | **1** |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | (d) | | **Boleh menyatakan fungsi set kawalan tersebut dengan betul**<br><br>Untuk membandingkan perbezaan luas kawasan jernih yang terbentuk di antara cakera kertas turas yang dicelup dengan antibiotik dan tanpa sebarang antibiotik. | 1 | **1** |
| | | | **Jumlah** | | **5** |

<table>
<tr><th colspan="3">Soalan</th><th>KRITERIA PEMARKAHAN</th><th>Sub Markah</th><th>Jumlah Markah</th></tr>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td></td><td>Boleh menyatakan pemerhatian eksperimen dengan betul<br><br>Mentol menyala</td><td>1</td><td>1</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td></td><td>Boleh mengelas elektolit dan bukan elektrolit dengan betul<br><br><table><tr><th>Elektrolit</th><th>Bukan Elektrolit</th></tr><tr><td>Larutan natrium hidroksida<br>Larutan garam</td><td>Larutan glukosa<br>Asetamida</td></tr></table></td><td>2</td><td>2</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Boleh menyatakan kesimpulan dengan betul<br><br>1.Sebatian ion dalam keadaan leburan dapat menjalani proses elektrolisis// sebatian ion dalam keadaan pepejal tidak dapat menjalani proses elektrolisis<br><br>(terima jawapan berkaitan aliran arus elektrik)</td><td>1</td><td>1</td></tr>
<tr><td></td><td>(d)</td><td></td><td>Boleh menyatakan satu maklumat untuk menyokong kesimpulan dengan betul<br><br>Mentol (pada elektrolisis) pepejal plumbum(II) bromida tidak menyala manakala mentol (pada elektrolisis) leburan plumbum(II) bromida menyala.// Mentol (pada elektrolisis) Rajah 4.1 tidak menyala manakala mentol (pada elektrolisis) Rajah 4.2 menyala.</td><td>1</td><td>1</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Jumlah</td><td></td><td>5</td></tr>
</table>

| Soalan | | | KRITERIA PEMARKAHAN | Sub Markah | Jumlah Markah |
|---|---|---|---|---|---|
| 5 | (a) | (i) | **Dapat menyatakan jenis bantuan kecemasan berdasarkan Rajah 5.1 dengan betul**<br><br>Heimlich Manoeuvre | 1 | **1** |
| | | (ii) | **Dapat menyatakan punca keadaan yang dinyatakan di (a)(i) berlaku dengan betul**<br><br>saluran makanan tersekat / dihalang oleh makanan atau bendasing | 1 | **1** |
| | (b) | (i) | **Dapat menyatakan dua langkah yang boleh diambil oleh ibu bapa semasa memilih alat permainan kepada anak kecil dengan betul**<br><br>1. Memastikan alat permainan tidak mempunyai bahagian kecil / yang boleh tertanggal / yang boleh dimasukkan ke dalam mulut.<br>2. Memilih alat permainan yang sesuai dengan umur kanak-kanak /elakkan mainan kecil bagi kanak-kanak bawah 3 tahun.<br>3. Menyemak label amaran keselamatan pada alat permainan sebelum membeli atau memberi kepada anak.<br>4. Menyimpan permainan kecil di tempat selamat<br>5. Memastikan kanak-kanak bermain dengan pengawasan orang dewasa.<br><br>*(mana-mana dua)* | 1<br>1<br>1<br>1<br>1 | **2** |
| | (b) | (ii) | **Dapat menyatakan apakah yang akan berlaku sekiranya amaran pada rajah 5.2 tidak dipatuhi dengan betul**<br><br>F : boleh menyebabkan kematian / kerosakan otak / koma<br><br>E1 : Saluran pernafasan tersumbat / tidak dapat bernafas<br>E2 : Otak kekurangan oksigen<br><br>(1F + 1E) | 1<br><br>1<br>1 | **2** |
| | | | **Jumlah** | | **6** |

| Soalan | | | KRITERIA PEMARKAHAN | Sub Markah | Jumlah Markah |
|---|---|---|---|---|---|
| **6** | (a) | | **Boleh menyatakan nama termometer dengan betul**<br><br>Termometer klinik | 1 | **1** |
| | (b) | | **Boleh menyatakan fungsi bahagian X dengan betul**<br><br>Supaya merkuri tidak turun dengan cepat setelah dikeluarkan dari mulut atau ketiak. | 1 | **1** |
| | (c) | | **Boleh menjelaskan satu langkah untuk mendapatkan BMI yang ideal dengan betul**<br><br>F1 - Amalkan diet yang seimbang // suku suku separuh // piramid makanan<br>F2 - Lakukan senaman secara berkala<br><br>E1 - Mengurangkan pengambilan kalori yang berlebihan<br>E2 - Membantu mambakar lemak<br><br>- Nota : 1F + 1E | <br><br>1<br><br>1<br><br>1<br>1 | <br><br>**2** |
| | (d) | (i) | **Boleh menyatakan nama murid yang mempunyai Jisim Badan Unggul dengan betul**<br><br>Faris | 1 | **1** |
| | | (ii) | **Boleh menjelaskan perbandingan antara Risiko murid BMI paling rendah dengan paling tinggi dengan betul**<br><br>BMI paling rendah berpotensi untuk mengalami kekurangan nutrisi / sistem imun yang lemah manakala BMI paling tinggi berisiko mengalami penyakit yang kronik | 1 | **1** |
| | | | **Jumlah** | | **6** |

| Soalan | | | KRITERIA PEMARKAHAN | Sub Markah | Jumlah Markah |
|---|---|---|---|---|---|
| 7 | (a) | | **Boleh menyatakan unsur yang berada dalam kumpulan yang sama dengan betul**<br><br>S dan T | 1 | **1** |
| | (b) | | **Boleh melukis susunan elektron bagi pembentukan ion P dan menulis cas dengan betul**<br><br> | 2 | **2** |
| | (c) | | **Boleh menyatakan satu persamaan dan satu perbezaan bagi dua atom kobalt tersebut dengan betul**<br><br>Persamaan:<br>• Kedua-duanya ialah unsur kobalt, Co.<br>• Mempunyai nombor atom yang sama, iaitu **27**.<br>• Bilangan proton sama, iaitu **27 proton**.<br>• Bilangan elektron juga sama bagi atom neutral, iaitu **27 elektron**.<br><br>Perbezaan:<br>**Perbezaan isotop kobalt-59 dan kobalt-60**<br>• Nombor nukleon berbeza:<br>  ○ Kobalt-59 = **59**<br>  ○ Kobalt-60 = **60**<br>• Bilangan neutron berbeza:<br>  ○ Kobalt-59: 59 − 27 = **32 neutron**<br>  ○ Kobalt-60: 60 − 27 = **33 neutron**<br>• Jisim atom berbeza.<br>• Kobalt-60 bersifat radioaktif, manakala kobalt-59 stabil | <br><br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br><br><br><br>1<br><br><br><br>1<br><br>1<br>1 | <br><br><br>**1**<br><br><br><br><br><br><br>**1** |
| | (d) | | **Boleh menyatakan fungsi kobalt-60 dalam rawatan kanser dengan betul**<br><br>Sinar gamma dari Kobalt-60 (bersifat radioaktif) dapat digunakan untuk membunuh sel kanser. | 1 | **1** |
| | | | **Jumlah** | | **6** |

| Soalan | | | KRITERIA PEMARKAHAN | Sub Markah | Jumlah Markah |
|---|---|---|---|---|---|
| **8** | (a) | (i) | **Boleh menyatakan prinsip yang digunakan dalam satu sistem hidraulik dengan betul**<br><br>Prinsip Pascal | 1 | **1** |
| | | (ii) | **Boleh menghitung berat beban yang perlu diletakkan ke atas omboh dengan betul**<br><br>$\frac{100\ N}{0.5\ m^2} = \frac{x}{5m^2}$<br><br>$= 1000\ N$ | <br><br>1<br><br>1 | **2** |
| | (b) | | **Boleh menyatakan sebab brek tidak dapat berfungsi dengan sempurna.**<br><br>Sistem hidraulik memerlukan bendalir dalam sistem yang tertutup untuk memindahkan tekanan // tekanan dalam sistem berkurang dan daya tidak dapat dipindahkan dengan berkesan ke omboh brek. | 1 | **1** |
| | (c) | | **Boleh membuat banding beza antara kedua-dua omboh dengan betul**<br><br>**Persamaan**:<br>Tekanan pada kedua-dua omboh adalah sama.<br><br>**Perbezaan**:<br>Luas permukaan omboh A lebih kecil daripada omboh B | <br><br>1<br><br>1 | **2** |
| | | | **Jumlah** | | **6** |



**Join SPM Study Group**
https://spmpaper.me/group

| Soalan | | | KRITERIA PEMARKAHAN | Sub Markah | Jumlah Markah |
|---|---|---|---|---|---|
| 9 | (a) | | **Dapat menyatakan fungsi loji mikroalga dalam usaha pemeliharaan alam sekitar dengan betul**<br><br>Menyingkirkan karbon dioksida daripada atmosfera melalui proses fotosintesis<br><br>*(info tambahan : Membantu mengurangkan kesan rumah hijau.)* | 1 | 1 |
| | (b) | | **Dapat menyatakan kesan jangka panjang pencemaran ini terhadap kehidupan manusia dengan betul**<br><br>1. Sumber air bersih berkurangan (kerana air sungai yang tercemar)<br>2. menjejaskan kesihatan manusia / menyebabkan penyakit bawaan air meningkat<br>3. menjejaskan ekonomi penduduk desa (yang bergantung kepada hasil sungai seperti ikan dan pelancongan.) | 1<br>1<br>1 | 2 |
| | (c) | | **Dapat menyatakan kebaikan menghasilkan larutan pembersih ekoenzim dengan betul**<br><br>1. Mengurangkan penggunaan bahan kimia yang boleh mencemarkan alam sekitar/ menjaga keseimbangan ekosistem.<br>2. Larutan pembersih ekoenzim menguraikan sisa organik secara semula jadi / mesra alam<br>3. Membantu mengurangkan sisa<br>4. Tidak menyebabkan pencemaran air / Tidak menyumbatkan saliran<br>5. Kos rendah<br><br>(mana-mana dua) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1 | 2 |
| | (d) | | **Dapat menulis langkah-langkah menghasilkan larutan pembersih ekoenzim dengan betul**<br><br>1. Masukkan sisa buah-buahan, air dan gula perang ke dalam botol plastik.<br>2. Tutup botol (dengan rapat).<br>3. Biarkan selama 3 bulan. | 1<br>1<br>1 | 3 |
| | | | **Jumlah** | | 7 |

| Soalan | | | KRITERIA PEMARKAHAN | Sub Markah | Jumlah Markah |
|---|---|---|---|---|---|
| **10** | (a) | (i) | **Boleh menyatakan satu Sektor dalam Teknologi Hijau dengan betul**<br><br>Sektor Pertanian dan Perhutanan | 1 | **1** |
| | | (ii) | **Boleh mencadangkan satu langkah untuk menyelesaikan masalah dengan betul**<br><br>1. Mewartakan hutan simpan<br>2. Penanaman semula pokok<br>3. Pembalakan terpilih//menebang pokok yang matang | 1<br>1<br>1 | **1** |
| | (b) | | **Boleh menyatakan kesan penebangan hutan paya bakau kepada alam sekitar dengan betul**<br><br>1. Populasi ikan dan haiwan akuatik lain akan merosot/pupus<br>2. Hidupan marin kehilangan tempat perlindungan//habitat<br>3. Hidupan marin hilang kawasan sumber makanan.<br>4. Ekosistem paya bakau terganggu// siratan makanan musnah<br><br>(mana-mana 2 jawapan) | 1<br>1<br>1<br>1 | **2** |
| | (c) | | **Boleh melakar dan melabel alat yang berfungsi seterusnya menerangkan cara alat tersebut berfungsi dengan betul**<br><br><br><br><br>**Penerangan:**<br>Air dari dalam botol plastik akan menitis perlahan-lahan melalui putik kapas (untuk memastikan pokok tidak kekurangan air)<br><br>Label (sekurang-kurangnya 3 label) – 1m<br>Rajah yang berfungsi – 1m<br>Penerangan yang betul – 1m | 1<br>1<br><br>1 | **3** |
| | | | **Jumlah** | | **7** |

| Soalan | | | KRITERIA PEMARKAHAN | Sub Markah | Jumlah Markah |
|---|---|---|---|---|---|
| **11** | (a) | | **Boleh menulis pernyataan masalah dengan betul**<br><br>1. Adakah saiz bahan tindak balas mempengaruhi kadar tindak balas?<br>2. Apakah kesan saiz bahan tindak balas terhadap kadar tindak balas?<br>3. Apakah hubungan antara saiz bahan tindak balas dengan kadar tindak balas? | <br><br>1<br><br>1<br><br>1 | **1** |
| | (b) | | **Boleh menyatakan hipotesis bagi eksperimen dengan betul**<br><br>Semakin kecil saiz bahan, semakin tinggi kadar tindak balas. | 1 | **1** |
| | (c) | (i) | **Boleh menyatakan pemboleh ubah dimanipulasikan dengan betul**<br><br>Saiz marmar | 1 | **1** |
| | | (ii) | **Boleh menyatakan cara mengawal pemboleh ubah dimanipulasikakan dengan betul**<br><br>Menggunakan saiz marmar yang berbeza// ketulan marmar dan serbuk marmar | 1 | **1** |
| | (d) | | **Boleh menyenaraikan bahan dan radas dengan betul**<br><br>- ketulan marmar bersaiz besar<br>- cebisan marmar bersaiz kecil<br>- larutan asid hidroklorik cair<br>- Air<br>- Kelalang kon 250 $cm^3$<br>- Silinder penyukat 50 $cm^3$<br>- Penyumbat getah dengan salur penghantar<br>- Buret<br>- Besen<br>- Neraca elektronik<br>- Kaki retort dengan pengapit<br>- Jam randik<br><br>Sekurang-kurangnya 6 radas dan bahan : 2 markah<br>4-5 radas dan bahan : 1 markah<br>1-3 radas dan bahan : 0 markah | 2 | **2** |
| | (e) | | **Boleh membuat penjadualan data dengan betul**<br><br><table><tr><td>Saiz marmar</td><td>Masa yang diambil untuk mengumpulkan 30 $cm^3$ gas (s)</td></tr><tr><td>Ketulan marmar bersaiz besar</td><td></td></tr><tr><td>Cebisan marmar bersaiz kecil</td><td></td></tr></table> | 2 | **2** |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | (f) | | **Boleh menyatakan 2 langkah berjaga-jaga dengan betul.**<br>- Pastikan hujung salur penghantar dimasukkan ke dalam buret<br>- Pastikan penutup getah dipasang dengan ketat<br>- Pastikan kekunci buret ditutup sebelum eksperimen dijalankan<br>- Memastikan jisim bahan tindak balas//kepekatan asid hidroklorik cair adalah sama<br>- Memulakan jam randik sebaik sahaja tindak balas bermula.(apabila memasukkan marmar ke dalam asid hidroklorik cair di dalam kelalang kon)<br>(mana-mana 2 jawapan) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1 | **2** |
| | | | **Jumlah** | | **10** |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

<table>
<tr><th colspan="3">Soalan</th><th>KRITERIA PEMARKAHAN</th><th>Sub Markah</th><th>Jumlah Markah</th></tr>
<tr><td>12</td><td>(a)</td><td></td><td>Dapat menyatakan dua kaedah perubatan yang diamalkan dengan betul<br>1. Perubatan moden<br>2. Perubatan komplementari</td><td>1<br>1</td><td>2</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td></td><td>Dapat menyatakan faktor yang menyebabkan keadaan fizikal pemuda ini<br><br>1. Terdedah kepada sinar ultraungu (cahaya matahari terik)<br>2. Asap rokok<br>3. Pencemaran udara / debu<br><br># pilih mana-mana dua jawapan</td><td>1<br>1<br>1</td><td>2</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td colspan="2">Dapat membanding dan membezakan sumber bahan K dan L dengan betul<br>
<table>
<tr><th colspan="2">Persamaan</th></tr>
<tr><td colspan="2">• Kedua-duanya mengandungi bahan antioksidan.<br>• Kedua-duanya membantu melindungi sel badan daripada kerosakan radikal bebas.<br>• Kedua-duanya membantu melambatkan proses penuaan.</td></tr>
<tr><th colspan="2">Perbezaan</th></tr>
<tr><th>K</th><th>L</th></tr>
<tr><td>a)Bahan antioksida yang diperolehi secara buatan/sintetik/kimia</td><td>a) Diperolehi secara semula jadi</td></tr>
<tr><td>b)Mudah diambil dan dibawa / pengambilan dalam bentuk kapsul,pil atau cecair</td><td>b) Dimakan dalam bentuk yang segar/mentah</td></tr>
<tr><td>c) Kos pembuatan yang mahal</td><td>c) Kos pembuatan yang murah</td></tr>
<tr><td>d)Tempoh keberkesanan cepat</td><td>d) Tempoh keberkesanan lambat</td></tr>
</table>
<br># nota<br><br>1 persamaan , 3 perbezaan<br>2 persamaan, 2 perbezaan</td><td>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1</td><td>4</td></tr>
<tr><td></td><td>(d)</td><td></td><td>Dapat mewajarkan tindakan mengamalkan pengambilan pil suplemen setiap pagi dengan betul<br>1. Berfungsi sebagai agen antioksidan.<br>2. Produk kesihatan dalam bentuk pil atau kapsul/mesra pengguna/ mudah / sesuai untuk individu yang sibuk<br>3. Menguatkan sistem pertahanan badan<br>4. Menerima dos keperluan harian yang tepat dan mencukupi<br>5. Memberi kesan dalam tempoh yang singkat<br><br># mana-mana 4 jawapan yang diterima</td><td>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1</td><td>4</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Jumlah</td><td></td><td>12</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="3">Soalan</th><th>KRITERIA PEMARKAHAN</th><th>Sub Markah</th><th>Jumlah Markah</th></tr>
<tr><td>13</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Boleh menyatakan dua jenis lemak dengan betul<br><br>1. Lemak tepu<br>2. Lemak tak tepu</td><td><br><br>1<br>1</td><td>2</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Boleh menerangkan mengapa pengambilan lemak secara berlebihan boleh memudaratkan kesihatan dengan betul<br><br>1. Meningkatkan kolesterol<br>2. Lemak berlebihan terkumpul dalam salur darah dan badan<br>3. Aliran darah terganggu serta meningkatkan risiko penyakit<br>4. Boleh menyebabkan serangan jantung / tekanan darah tinggi / strok / arteriosclerosis<br><br>(mana-mana 2)</td><td><br><br><br>1<br>1<br>1<br>1</td><td>2</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Boleh membuat banding beza antara lemak tepu dan lemak tak tepu dengan betul<br><br>Persamaan:<br><br>1. Sebatian organik yang mengandungi unsur karbon, hidrogen dan oksigen<br>2. Tidak larut dalam air // sumber penting asid lemak dalam badan<br><br>Perbezaan :<br><br>
<table>
<tr><th></th><th>Lemak tepu</th><th>Lemak tak tepu</th></tr>
<tr><td>Sumber</td><td>Haiwan</td><td>Tumbuhan</td></tr>
<tr><td>Keadaan pada suhu bilik</td><td>pepejal</td><td>Cecair</td></tr>
<tr><td>Takat lebur</td><td>Tinggi</td><td>Rendah</td></tr>
<tr><td>Bilangan atom hidrogen dalam molekul</td><td>Maksimum</td><td>Belum maksimum</td></tr>
<tr><td>Penambahan atom hidrogen ke dalam molekul</td><td>Tidak boleh</td><td>Boleh</td></tr>
</table>
<br>Nota :<br>1 persamaan 3 perbezaan atau<br>2 persamaan 2 perbezaan</td><td>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1</td><td>4</td></tr>
</table>

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | **Boleh menghuraikan pola pengeluaran minyak sawit Malaysia dari Januari hingga Jun 2024 dengan betul**<br><br>1. Pengeluaran menurun pada bulan Feb<br>2. Meningkat semula pada Mac hingga Mei<br>3. Sedikit penurunan pada Jun<br>**(mana-mana 2)** | <br><br>1<br>1<br>1 | **2** |
| | | (ii) | **Boleh menerangkan faktor yang menyebabkan pengeluaran paling rendah pada Februari 2024 dengan betul**<br><br>**F1 Faktor cuaca (musim kemarau / tengkujuh)**<br>**E1** Cuaca yang tidak menentu / hujan lebat menjejaskan proses penuaian dan pengangkutan buah kelapa sawit / kemarau menyebabkan penghasilan rendah<br><br>**F2 Faktor kekurangan cahaya matahari**<br>**E2** Fotosintesis berkurang dan menyebabkan penghasilan buah juga berkurangan<br><br>**F3 Faktor haiwan perosak**<br>**E3** Buah menjadi rosak<br><br>**F4 Faktor kurang baja**<br>**E4** Penghasilan buah berkurangan / pokok terbantut<br><br>**#Nota**<br>**Terima 1F dan 1E** | <br><br>1<br>1<br><br><br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1 | **2** |
| | | | **MARKAH** | | **12** |

SERTAI TELEGRAM @exercise_students



Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group